


Kepentingan Tumbuh-tumbuhan Semula Jadi dan Hidupan Liar di Dunia



Ekopelancongan

- 1 Kawasan hutan diwartakan sebagai taman negara (kawasan ekopelancongan).
- 2 Keunikan dan kepelbagaian flora dan fauna menjadi daya tarikan pelancong.
- 3 Pelancong berpeluang untuk berinteraksi dan mengenali hidupan liar.
- 4 Gajah sebagai pengangkutan di Erawan National Park, Thailand.
- 5 Unta sebagai pengangkutan di kawasan Gurun Panas.




Penghalang hakisan

Tumbuh-tumbuhan menutup permukaan tanah daripada hakisan air dan angin.

Daun yang besar mengurangkan kelajuan titisan air ke tanah.

Akar pokok mencengkam dan mengikat tanah daripada dihakis aliran air hujan.

Akar pokok bakau menghalang hakisan ombak di pinggir laut.





Kemajuan ekonomi

Hutan Monsun Tropika dan Hutan Konifer merupakan sumber:

1

- kayu keras dan kayu lembut
- bahan mentah untuk industri papan, perabot, kraf tangan dan kertas
- peluang pekerjaan kepada penduduk tempatan
- pendapatan negara

2

Eksport dan Pendapatan

Eksport kayu-kayan, hasil sumber hutan, perabot, papan dan kertas mendatangkan pendapatan kepada negara

3

Ekopelancongan

Hutan dibangunkan sebagai pusat ekopelancongan mewujudkan peluang pekerjaan dan juga menjana pendapatan kepada negara

Sumber perubatan

Daun, kulit kayu, akar, bunga, buah, jus buah, getah dan hampas tumbuhan dipercayai dapat merawat pelbagai jenis penyakit.



Pricky pear

Pricky pear membantu merawat diabetes dan tahap kolesterol yang tinggi.



Pokok oak

Merawat cirit-birit, sakit tekak dan luka, serta mengandungi vitamin C.



Pokok pain

Biji pokok pain bertindak sebagai antiseptik untuk luka.

